SMJK Chung Ling Pulau Pinang
Peperiksaa Percubaan SPM 2021
Ekonomi
Kertas 2 (3767/2)
Tingkatan 5

Kelas: 5SE (      )                                                                 Masa: 2 Jam 15 minit

Nama: ____________________________(                    )

**Bahagian A**

[**60** markah]

Jawab **semua** soalan di bahagian ini.

1 *(a)* Gambar di bawah menunjukkan suatu faktor pengeluaran.



Jelaskan konsep faktor pengeluaran di atas.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[5 *markah*]

*(b)* Jelaskan bagaimana Sistem Ekonomi Kapitalis menyelesaikan masalah asas berikut:

(i) Apa yang hendak dikeluarkan?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[2 *markah*]

(ii) Bagaimana hendak dikeluarkan?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[2 *markah*]

*(c)* Jadual di bawah menunjukkan kombinasi kemungkinan pengeluaran sebuah firma dalam sebuah ekonomi.

| **Kombinasi Pengeluaran** | **Barang S (unit )** | **Barang T (unit )** |
|---|---|---|
| A | 100 | 0 |
| B | 60 | 30 |
| C | 30 | 60 |
| D | 0 | 80 |

Jelaskan keadaan jika firma memilih untuk mengeluarkan 50 unit barang S dan 20 unit barang T.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................
[5 *markah*]

*(d)* Dengan bantuan jadual, jelaskan hukum penawaran.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................
[6 *markah*]

2 *(a)* Maklumat di bawah berkaitan dengan satu perkhidmatan pembiayaan kewangan yang ditawarkan oleh bank perdagangan.

| |
|---|
| **Kemudahan yang disediakan kepada pemegang akaun semasa untuk mengeluarkan wang lebih daripada baki simpanannya berdasarkan had yang ditetapkan oleh bank.** |

(i) Tentukan perkhidmatan pembiayaan kewangan tersebut?

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................
[1 *markah*]

(ii) Jelaskan kelebihan perkhidmatan pembiayaan kewangan di a (i).

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

[3 *markah*]

*(b)* (i) Maklumat di bawah berkaitan dengan pendapatan individu.

| **Untung ialah ganjaran kepada faktor usahawan** |
|---|

Jelaskan mengapa usahawan menerima untung.

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

[3 *markah*]

(ii) Maklumat di bawah menunjukkan hasil dan kos sebuah firma.

| **Syarikat Abata Sdn. Bhd. mengeluarkan 1000 pasang kasut sukan dan dijual dengan harga RM 130 sepasang. Kos pengeluaran yang digunakan ialah kos bahan mentah RM 40 000, upah pekerja RM 15 000, sewa bangunan RM 6 000, bil air dan elektrik RM 2 000.** |
|---|

Hitungkan jumlah untung yang diperolehi.

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

[3 *markah*]

(c) Jelaskan kepentingan belanjawan peribadi.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

.........................................................................................................................................

[4 markah]

*(d)* Bandingkan kos tetap dan kos berubah.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[6 *markah*]

3 *(a)* Jadual berikut menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi di beberapa negara Asia.

| | **2015** | **2016** | **2017** | **2018** | **2019** |
|---|---|---|---|---|---|
| **Malaysia** | 5.0 | 4.4 | 5.7 | 4.7 | 4.7 |
| **Filipina** | 5.9 | 6.9 | 6.7 | 6.2 | 6.5 |
| **Indonesia** | 4.8 | 5.0 | 5.1 | 5.2 | 5.2 |
| **Jepun** | 1.1 | 0.6 | 1.9 | 0.8 | 0.9 |
| **Republik Korea** | 2.8 | 2.9 | 3.1 | 2.7 | 2.6 |
| **China** | 6.9 | 6.7 | 6.8 | 6.6 | 6.2 |
| **India** | 8.0 | 8.2 | 7.2 | 6.8 | 7.0 |

(Sumber: IMF World Economic Outlook)

Jelaskan arah aliran kadar pertumbuhan ekonomi negara Malaysia dari tahun 2015 hingga tahun 2019.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[4 *markah*]

(*b*) Gambar rajah berikut menunjukkan cukai kerajaan.




Berdasarkan gambar rajah, bezakan kedua-dua jenis cukai.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[6 *markah*]

(*c*) Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran Ringgit Malaysia berbanding dengan Dolar Amerika dan Pound Sterling.

| **Kadar pertukaran** / Tahun | **1 Dolar Amerika** | **1 Pound Sterling** |
|---|---|---|
| **Jun 2021** | RM4.20 | RM5.8230 |
| **Julai 2021** | RM4.31 | RM6.0510 |
| **Ogos 2021** | RM4.29 | RM5.9410 |

(i) Jika seorang pelabur British ingin melabur sebanyak 50 000 Pound Sterling di Malaysia pada bulan Ogos 2021, berapakah Ringgit Malaysia yang perlu disediakan untuk memenuhi tujuan tersebut.

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

[2 *markah*]

(ii) Jika seorang peniaga Malaysia berhutang sebanyak USD3000 dengan seorang pengeksport Amerika pada bulan Jun dan menjelaskan hutangnya pada bulan Ogos 2021, apakah kesan kepada peniaga tersebut?

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

[4 *markah*]

*(d)* Terangkan kepentingan pertukaran asing sebuah negara selain daripada membuat pelaburan di luar negara.

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

[4 *markah*]

## Bahagian B

[**40** *markah*]

*Bahagian ini mengandungi 4 Jawab mana-mana* **dua** *soalan daripada bahagian ini.*

4 Maklumat berikut berkaitan dengan topeng muka.

**Permintaan topeng muka cecah 15 juta sebulan**

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendapati jumlah permintaan topeng muka di pasaran ketika ini mencecah 15 juta sebulan berbanding lima juta sebelum ini.

Ketua Setiausahanya, Datok Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, peningkatan tiga kali ganda itu berlaku susulan penularan wabak koronavirus (COVID-19) yang melanda dunia termasuk Malaysia. Mengulas lanjut, Hasnol berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan akan menghentikan sementara aktiviti eksport topeng muka bagi memastikan bekalan mencukupi untuk kegunaan dalam negara.Bagaimanapun katanya Kementerian akan teliti tahap keperluan produk itu di dalam negara sama ada melibatkan komitmen jangka pendek atau sebaliknya

Dubahsuai,https://www.sinarharian.com.my/article/72737/KHAS/Covid-19/Permintaan-topeng-muka-cecah-15-juta-sebulan/6/3/2020

*(a)* Terangkan penentu permintaan bagi topeng muka berdasarkan petikan di atas

[4 *markah*]

*(b)* Jelaskan kesan pandemik Covid 19 ke atas pasaran permintaan topeng muka.

[7 *markah*]

*(c)* Pandemik Covid 19 telah memberi kesan kepada taraf hidup rakyat. Berikan pendapat anda.

[9 *markah*]

5 Encik Rozaini ingin membeli sebuah kereta yang berharga RM100 000. Dia telah mendapatkan maklumat pinjaman daripada dua buah institusi kewangan berikut:

| Bank Bersatu Berhad | Bank Yakin Berhad |
|---|---|
| • Kadar faedah pinjaman : 3.68%<br>• Tempoh bayaran balik : 9 tahun maksimum<br>• Pinjaman maksimum : 100% | • Kadar faedah pinjaman : 2.98%<br>• Tempoh bayaran balik: 6 tahun maksimum<br>• Pinjaman maksimum: 90 % |

*(a)* Terangkan filtur ekonomi yang terlibat dalam pembelian kereta di atas.

[5 *markah*]

*(b)* Pada pendapat anda, bank manakah yang sesuai menjadi pilihan Encik Rozaini untuk membuat pinjaman. Berikan alasan

[6 *markah*]

*(c)* Sekiranya pendapatan bolehguna bulanan Encik Rozaini ialah sebanyak RM3800 dan perbelanjaan bulanannya ialah sebanyak RM2300. Adakah anda bersetuju dengan tindakannya membeli kereta tersebut? Kemukakan alasan anda.

[9 *markah*]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis alat dasar kewangan.

**BNM benar penangguhan pinjaman automatik enam bulan**

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM) membenarkan pelanggan perbankan, termasuk individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menangguhkan pembayaran balik pinjaman sedia ada mereka, termasuk gadai janji dan sewa beli, untuk tempoh enam bulan. Ia langkah tambahan BNM untuk mengurangkan beban perniagaan dan isi rumah yang dijangka terkesan oleh penularan COVID-19.

Sumber: http//www.bharian.com.my, Selasa, 24 Mac 2020

*(a)* Jelaskan alat dasar kewangan yang digunakan oleh BNM dalam petikan di atas.

[4 *markah*]

*(b)* Bersetujukah anda dengan penangguhan di atas? Jelaskan.

[7 *markah*]

*(c)* Cadangkan tindakan yang perlu diambil oleh isi rumah untuk mengatasi masalah ketidakstabilan ekonomi di atas selepas tempoh enam bulan tersebut tamat.

[9 *markah*]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan penanaman lada.

> Menurut Timbalan Menteri Perusahaan Peladangan dan Komoditi, Datuk Willie Mongin, harga lada hitam yang dijual di pasaran ketika ini adalah RM10.10 sekilogram manakala harga lada putih pula RM17.40 sekilogram.
>
> Beliau berkata meskipun terdapat persaingan, lada yang dihasilkan oleh Malaysia terutamanya Sarawak mempunyai kualiti yang tinggi dan mempunyai aroma yang tersendiri.
>
> Justeru itu, Willie menggesa kelebihan tersebut harus diperkembangkan oleh pemegang taruh dan pengusaha industri lada.
>
> "Semua pengusaha lada diseru untuk terus memberikan sokongan penuh dan turut mengharapkan penglibatan aktif mereka dalam setiap sektor peladangan dan komoditi negara.
>
> Diubahsuai, https://suarasarawak.my/harga-lada-di-pasaran-meningkat/
> 2/3/2021

*(a)* Jelaskan jenis komposisi dagangan yang terdapat dalam petikan di atas.
[4 *markah*]

*(b)* Terangkan kepentingan perusahaan penanaman tersebut kepada perdagangan antarabangsa Malaysia.
[7 *markah*]

*(c)* Kenaikan harga penanaman tersebut telah memberi impak kepada akaun semasa negara. Bincangkan.
[9 *markah*]

**~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~SOALAN TAMAT. SELAMAT MENCUBA ~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~**

**Disediakan oleh : Pn Tan Swee Chin**

**Disemak oleh : Pn Ewe Shu Ni**

**Disahkan oleh : Pn. Yeoh Saw Seoh**